



LEMBAGA PEPERIKSAAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

5226/2

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Nov./Dis.

2½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **tujuh** soalan.
2. **Soalan 1** mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.
3. Kesemuanya **lima** soalan yang mesti dijawab.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang dalam buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama buku jawapan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

SULIT



Soalan 1 mesti dijawab. Kemudian jawab **empat** soalan daripada mana-mana soalan berikutnya.

- 1 (a) (i) Nyatakan **dua** keistimewaan manusia sebagai makhluk Allah SWT. [2 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** tanggungjawab manusia sesama manusia. [6 markah]
- (b) Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun. Jelaskan **dua** hikmah cara penurunan tersebut. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** ciri keistimewaan Islam. [4 markah]
- (d) (i) Nyatakan **dua** ciri pengaruh asing yang bertentangan dengan ajaran Islam. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** punca kelemahan umat Islam dalam menangani ancaman budaya asing. [2 markah]

- 2 (a)

Syumuliyah bermaksud ajaran Islam bersifat lengkap dan sempurna merangkumi semua aspek kehidupan.

- (i) Terangkan **dua** prinsip syumuliyah. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** contoh syumuliyah dalam bidang ekonomi. [4 markah]
- (b) Jelaskan **dua** bukti yang menunjukkan Islam mampu menjamin hak asasi manusia. [4 markah]
- (c)

Amir hendak bermusafir dari rumahnya di Kuala Lumpur menuju ke London pada musim panas yang akan datang.
--
- (i) Nyatakan **dua** cara solat yang sesuai dilakukan oleh Amir mengikut konsep murunah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **tiga** hikmah diberikan kelonggaran kepada Amir untuk melaksanakan solat dengan cara tersebut. [6 markah]

- 3 (a) (i) Terangkan **dua** ciri negara Islam. [4 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** elemen penting dalam pembentukan negara Islam. [4 markah]
- (b) Antara matlamat sistem sosial Islam adalah untuk menghubungkan sesama manusia dan makhluk lain.
Nyatakan **dua** fungsi matlamat tersebut. [4 markah]
- (c) Ibadat terbahagi kepada **dua** jenis iaitu ibadat umum dan ibadat khusus.
Terangkan **dua** contoh ibadat umum dalam kehidupan seharian. [4 markah]
- (d)

Kejadian tanah runtuh merupakan peringatan Allah SWT kepada manusia supaya menguruskan alam dengan baik.
--

Huraikan **dua** punca berlakunya kejadian tersebut. [4 markah]
- 4 (a) Terangkan **dua** cara pengurusan harta dalam Islam. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **empat** sumber harta yang diperolehi secara haram. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan memperoleh harta secara haram. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** cara anda membelanjakan harta untuk kepentingan masyarakat. [4 markah]
- (d) Cadangkan **dua** cara membendung perbuatan pencerobohan harta. [4 markah]
- 5 (a) Jelaskan **dua** sebab al-Quran menjadi sumber perundangan Islam yang utama. [4 markah]
- (b) Terangkan **dua** matlamat diharuskan fatwa dalam Islam. [4 markah]
- (c) Nyatakan maksud fikah berserta contoh. [4 markah]
- (d)

Ibadat yang berkualiti mampu membentuk akhlak yang mulia.

(i) Jelaskan **dua** cara anda untuk meningkatkan kualiti dalam beribadat. [4 markah]
- (ii) Terangkan **dua** ciri kesempurnaan ibadat. [4 markah]

- 6 (a) Terangkan **dua** matlamat penyelesaian masalah terhadap individu menurut Islam. [4 markah]
- (b) Nyatakan perlakuan yang sewajarnya anda lakukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. [2 markah]
- (c) (i) Terangkan **tiga** cara mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat. [6 markah]
- (ii) Huraikan **dua** kesan kepada negara sekiranya masyarakat hidup dalam persengketaan. [4 markah]
- (d) (i) Nyatakan maksud jaminan keselamatan. [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** cara mewujudkan jaminan keselamatan. [2 markah]
- 7 (a) (i) Senaraikan **empat** cara memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar. [4 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan terhadap pelajar yang tidak mengamalkan budaya membaca. [4 markah]
- (b)

Masalah kemiskinan dalam masyarakat boleh menggugat kestabilan ekonomi negara.
--
- (i) Terangkan **dua** cara Islam menyelesaikan masalah kemiskinan dalam masyarakat. [4 markah]
- (ii) Cadangkan **dua** sumbangan yang anda boleh lakukan untuk membantu mengukuhkan ekonomi negara. [4 markah]
- (c) Jelaskan **dua** cara membendung masalah lumba haram dalam kalangan remaja. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT